



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, 93502 KUCHING
SARAWAK

Talian Am: 082-441957
No. Faks: 082-445637
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 14 TAHUN 2017

DARIPADA: **Setiausaha Kerajaan, Sarawak,** KEPADA: **Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Ketua Badan Berkanun
Negeri
Semua Setiausaha Majlis
Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah**

SALINAN **Pengarah Audit Negeri**
KEPADA: **Pengarah Audit Dalam**

PERKARA: **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017**

RUJUKAN: **7/JKM/SHRU/TM/400-2/TARIKH: 13 JUN 2017**
7/1/Jld.1

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 : Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** berkaitan dengan **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** dan tertakluk kepada pindaan-pindaan seperti terkandung dalam surat pekeling ini.

2. Latar Belakang

Pembayaran **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah di atas keperihatinan Kerajaan bagi menghargai khidmat bakti penjawat awam.

" Together We Drive The Workforce In The Civil Service To Be World Class "

BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

No. Telefon: 082-446415
No. Faks: 082-443970

BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT

Seksyen Pengambilan
No. Telefon: 082-319946
No. Faks: 082-311478
Seksyen Pembangunan Kerjaya
No. Telefon: 082-446355
No. Faks: 082-311473
Seksyen Kemudahan & Anugerah
No. Telefon: 082-312548
No. Faks: 082-445618
Seksyen Latihan
No. Telefon: 082-313951
No. Faks: 082-312997

BAHAGIAN POLISI & KOMUNIKASI SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Maklumat
No. Telefon: 082-449237
No. Faks: 082-449490
Seksyen Komunikasi Sumber Manusia
No. Telefon: 082-448240
No. Faks: 082-440099
Seksyen Transformasi & Inovasi
No. Telefon: 082-312557
No. Faks: 082-440033

BAHAGIAN SOKONGAN PEKERJA

Seksyen Perkhidmatan Sokongan Pekerja
No. Telefon: 082-319941
No. Faks: 082-312923
Seksyen Integriti
No. Telefon: 082-443502
No. Faks: 082-312923

Indeks Surat

3. Pelaksanaan

- 3.1 **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017.
- 3.2 Bagi pegawai lantikan *contract of service* dan *contract for service* tempoh 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017 adalah bermaksud boleh meliputi lebih dari satu kontrak yang bersambungan tanpa putus.

4. Pegawai Yang Layak

- 4.1 Tertakluk kepada perenggan 3.1 di atas, pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang layak dibayar **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** adalah seperti berikut:
- a. pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service*, *contract for service*;
 - b. pegawai yang bercuti separuh gaji; dan
 - c. pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017.

5. Pegawai Yang Tidak Layak

- 5.1 Pegawai yang tidak layak dibayar **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017.
- b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017.
- d. pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib selain daripada hukuman cela dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017;
- e. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017; dan
- f. pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017

6. Pegawai Yang Ditangguhkan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja oleh Ketua Jabatan atau Setiausaha Kerajaan Negeri atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, ditangguhkan pembayaran **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017**. Pegawai hanya layak dibayar **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** sekiranya Pihak Berkuasa Tata tertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman cela.

7. Syarat Pembayaran

- 7.1 **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** ini dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017.
- 7.2 **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** sebanyak **RM500.00** mulai **dibayar pada 15 Jun 2017.**

8. Kaedah Pembayaran

- 8.1 **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** ini menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.
- 8.2 **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** kepada pesara Kerajaan Negeri yang telah bersara pada atau sebelum 2 Jun 2017 dan menerima pensyen **layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 pada kadar RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada tahun pembayaran.**
- 8.3 Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula secara *contract of service* atau *contract for service* layak dibayar **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan

Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada tahun pembayaran.

- 8.4 Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh **1 Januari 2017** hingga **1 Jun 2017** layak dibayar **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 2 Jun 2017. Pembayaran kepada penerima pencen terbitan sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

9. Tarikh Kuat Kuasa

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

10. Pemakaian

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak